



**KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

UCAPAN

EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI

KETUA PENGARAH

JABATAN STANDARD MALAYSIA

MAJLIS PERHIMPUNAN

JABATAN STANDARD MALAYSIA BIL. 1/2024

15 JANUARI 2024

DEWAN MENARA CYBER AXIS

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih kepada Saudari Pengacara Majlis,

Pengarah-Pengarah Bahagian

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

1. Pertamanya, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul pada tahun baharu 2024 ini. Masih belum terlewat lagi untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 buat seluruh warga JSM yang saya kasihi sekalian.
2. Semoga semua warga kerja JSM dapat memulakan tahun baharu 2024 dengan azam baharu yang menanamkan semangat serta iltizam yang tinggi khususnya dalam meneruskan tanggungjawab dengan menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Semoga tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang juga bakal memberikan peluang untuk kita lebih berjaya dan cemerlang.
3. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Unit Komunikasi Strategik dan Kelab JSM untuk penganjuran Majlis Perhimpunan Bulanan Tahun 2024.

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN TAHUN 2023

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Syukur Alhamdulillah, ke hadrat Allah SWT kerana kita berjaya mengharungi cabaran hebat sepanjang tahun 2023 dengan keazaman dan kecekalan. Sepanjang tahun 2023, pelbagai cabaran telah kita lalui bersama baik cabaran dalaman dan luaran, namun segala yang dilalui dapat kita hadapi dengan jayanya.
5. Pun begitu, di sebalik cabaran-cabaran tersebut, ada perkhabaran gembira yang ingin saya kongsi kepada semua hasil daripada usaha dan pengorbanan kita semua dengan mencipta beberapa kejayaan. Sekalung penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga kerja JSM di atas kejayaan sepanjang tahun 2023.
6. Kejayaan ini adalah manifestasi dan simbolik kebersamaan kita semua dengan menzahirkan komitmen dan kualiti kerja meliputi dua bidang teras utama JSM iaitu Perkhidmatan Standardisasi dan Perkhidmatan Akreditasi. Saya berharap momentum kecemerlangan ini dapat diteruskan pada tahun seterusnya.
7. Selain itu, dalam tahun 2023, kita telah berjaya melancarkan 4 MS yang berimpak tinggi iaitu:
 - a. **MS 2756:2023 - Road traffic safety -Good Practices for Platform Providers in Implementing Work-Related Road Traffic Safety Management.** MS ini telah dilancarkan pada 23 Ogos 2023 oleh YB Menteri Sumber Manusia

- b. **MS 2691 - Halal profession - General requirements.** MS ini dilancarkan pada 12 September 2023 semasa Seminar Halal Profession (penganjuran bersama diantara JSM dengan JAKIM, JPK dan HDC) iaitu salah satu program di bawah Global Halal Summit (GHaS) 2023

- c. **MS 1992-4:2023 Eurocode 2: Design of concrete structure - Part 4: Design of fastenings for use in concrete.** MS ini dilancarkan pada 7 Disember 2023 dan sebagai garis panduan untuk menambah baik rekabentuk, membina, menganalisis dan memahami kelakuan keluli, aluminium dan struktur konkrit keluli komposit.

- d. **MS ISO 56002:2019 Innovation management - Innovation management system - Guidance.** MS ini telah dilancarkan pada 12 Disember 2023 oleh Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) dan Pengarah Fasilitasi Perdagangan MITI

8. JSM juga berjaya:

- a. menjalani penilaian antarabangsa oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) dari 14 Mei hingga 20 Mei 2023 bersama Agensi Pengawalseliaan Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA) dibawah Kementerian Kesihatan Malaysia), selaku Pihak Berkuasa Pemantauan Pematuhan (CMA)

- b. membangunkan National Quality Policy (NQP) yang diasaskan daripada Assessment of Malaysia's National Quality Infrastructure di bawah projek bantuan teknikal berkaitan perdagangan ARISE Plus Malaysia

9. Selain itu, JSM juga memainkan peranan aktif dalam usaha mempromosikan peristiwa penting. Pada tahun 2023, JSM telah menggunakan platform media atas talian seperti *Public Service Announcement* dan rereyap untuk mempromosikan Sambutan Hari Standard Sedunia (World Standard Day) dan Sambutan Hari Akreditasi Sedunia (World Accreditation Day). Begitu juga dengan beberapa siri program bual bicara yang dilakukan dengan radio. Diharapkan usaha-usaha ini dapat diteruskan pada tahun 2024.

10. Bukan itu sahaja, JSM juga mengambil bahagian dengan program dan aktiviti lain yang dianjurkan oleh MITI dan lain-lain agensi. Antaranya

- a. Majlis Anugerah Standardisasi dan Akreditasi Kebangsaan 2022 bersekali dengan MITI Day 2023 pada 5 Ogos 2023 bagi mengiktiraf 5 pakar dan 5 penilai yang telah memberi sumbangan penting dalam bidang standard dan akreditasi.
- b. JSM juga mengambil bahagian dalam Sukan Antara Agensi MITI 2023 dari 19 Ogos - 14 Oktober 2023 anjuran MITI. Tahniah diucapkan kepada Kelab JSM dan semua yang telah mengambil bahagian

- c. Bagi pameran, JSM telah menyertai Johor Smart City Forum 2023 pada 12-14 Jun 2023, IEM-JSM-ST ASEAN Electrotechnical Symposium and Exhibition 2023 pada 6-7 September 2023, MIHAS pada 12-15 September 2023 dan Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI pada 10 Disember 2023.

ISU, CABARAN DAN EKSPEKTASI TAHUN 2024

Warga JSM yang saya hormati,

11. Dalam kita melangkah ke tahun 2024, penjawat awam perlu sentiasa melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan baik dan cemerlang. Segala kekurangan yang ada pada tahun lalu perlu ditinggalkan dan kita bina kembali kekuatan baharu untuk membentuk sebuah negara yang sarat dengan nilai-nilai murni berdasarkan konsep Malaysia MADANI.
12. Mengambil pesanan daripada YAB Perdana Menteri, penjawat awam diminta untuk terus menerapkan nilai yang baik dan mengekalkan prestasi cemerlang supaya dapat mengangkat martabat negara ke peringkat lebih tinggi. Biarpun negara kini sedang bergerak menggapai teknologi, pertumbuhan ekonomi, tenaga baharu dan transformasi digital, nilai yang baik perlu seiring dengan kemajuan terbabit.
13. Penjawat awam juga tidak seharusnya mengamalkan budaya yang terlalu selesa, sebaliknya sentiasa berusaha untuk menjadi lebih baik dan cemerlang. Sama juga dengan warga JSM, saya percaya, semangat baharu dan segala cabaran lalu mendewasakan kita semua untuk menjadi lebih matang. Usaha ke arah mengutamakan perkhidmatan terbaik yang

mesra pelanggan harus dikekalkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa.

14. Justeru, saya yakin dan percaya, membangunkan perkhidmatan awam berprestasi tinggi hanya akan dapat dicapai dengan adanya warga agensi yang berkemahiran memimpin, berdaya fikir inovatif dan bermandiri menghadapi cabaran.
15. Selain itu, semua agensi Kerajaan, khususnya pemegang taruh yang berkenaan harus meningkatkan kapasiti dan kesediaan dalam kalangan pihak berkuasa dan masyarakat umum dalam menghadapi evolusi cabaran dalam era Industri Revolusi 4.0.
16. Dengan ini, JSM akan melaksanakan beberapa aktiviti utama bagi menawarkan perkhidmatan berimpak tinggi kepada masyarakat. Antaranya:
 - a. APAC Evaluation dari 15 hingga 24 Mei 2024;
 - b. Penganjuran ACCSQ WG1 pada 29 dan 30 Mei 2024;
 - c. Penganjuran ISO TC 324 dari 24 hingga 28 Jun 2024; dan
 - d. Penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA)

PELAKSANAAN SISTEM PANGKALAN DATA UTAMA (PADU)

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

17. Baru-baru ini, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU). PADU itu adalah pembangunan system data yang membabitkan berpuluh perincian data termasuk nama, umur, jantina dan isi rumah bagi setiap dari 32 juta rakyat, yang membentuk ratusan juta titik data. Sistem ini dapat mengenal pasti secara

terperinci perbelanjaan isi rumah setiap bulan, tanggungan dan kos sara hidup mengikut lokasi tempat tinggal masing-masing.

18. Salah satu objektif utama PADU adalah menyediakan pangkalan data utama negara bagi membolehkan kerajaan memproses data itu untuk menentukan kelayakan individu menerima bantuan yang disediakan kerajaan dari semasa ke semasa. PADU juga mampu mengurangkan ketirisan pemberian bantuan atau subsidi kepada golongan tertentu sahaja.
19. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, PADU dibuka kepada orang ramai mulai 3 Januari 2024 sehingga 31 Mac 2024 bagi mengemaskini serta mengesahkan 39 item maklumat peribadi seperti nombor kad pengesahan, bilangan isi rumah dan alamat. Saranan saya adalah, semua warga JSM dikehendaki mendaftar dan membuat semakan data di portal PADU mulai sekarang hingga 31 Mac 2024.

PENUTUP

Warga JSM yang saya hormati,

20. Kejayaan tahun 2023 adalah pemangkin kepada usaha-usaha yang perlu diperkemas pada tahun ini. Diharap berbekalkan semangat Esprit de corps seluruh warga jsm, usaha pencapaian misi dan visi JSM akan dipermudahkan oleh Allah S.W.T. Dengan izin-Nya, JSM mampu melangkah lebih jauh dalam memberi khidmat bakti kepada masyarakat dan kualiti perkhidmatan JSM dapat diterjemah melalui kesukarelaan klien mendapatkan khidmat JSM.
21. Di kesempatan ini juga, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah atas segala usaha dan komitmen

yang ditunjukkan oleh semua lapisan warga JSM atas kejayaan yang dicapai sepanjang tahun 2023.

22. Sesungguhnya tahun 2024 dijangka akan memberi cabaran yang lebih besar. Justeru, setiap warga JSM diharap sentiasa dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang untuk sama-sama membina masa hadapan Malaysia yang lebih baik. Sebagai langkah ke hadapan, momentum kejayaan tahun lalu perlu kita teruskan dengan perancangan dan pelaksanaan yang lebih teliti dan bijak.
23. Semoga semua warga JSM yang dikasihi terus beristiqamah dan beriltizam untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dengan lebih cemerlang dan berintegriti. Saya juga ingin menyeru seluruh warga JSM terus kekal mengamalkan penjagaan sendiri memandangkan kes jangkitan COVID-19 dalam negara semakin meningkat dan sentiasa patuh kepada pelaksanaan dasar-dasar yang terkini supaya dapat menjadikan ianya sebagai punca kejayaan.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

Terima kasih.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Strategik
Tarikh: 15 Januari 2024